

CNS8839

R GB 10-12 00178 BC926

AAB

Mahathir - LIMA '95

TEMPAT LEBIH BESAR BAGI LIMA '95

I

LANGKAWI, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi yang akan diadakan pada 1995 (LIMA '95) mungkin memerlukan kawasan pameran yang lebih besar, dan kedua-dua pameran maritim dan udara mungkin diadakan di tempat yang sama.

Perdana Menteri berkata LIMA '95 pasti akan diadakan kerana LIMA telah menarik minat ramai orang dalam industri penerbangan menyertai dan mempamerkan barangan mereka.

"LIMA telah memberikan mereka lebih banyak masa dan kebebasan mempamerkan produk mereka," katanya pada persidangan akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIFC) di sini.

Oleh itu, kawasan pameran yang lebih luas mungkin diperlukan kerana LIMA '93 telah begitu berjaya daripada segi syarikat dan negara yang mengambil bahagian, dan ekorannya daripada itu ruang besar yang disediakan di MIFC masih tidak mencukupi, katanya.

"Walaupun kita telah membina pusat pameran yang lebih besar daripada yang dirancang, tetapi ia masih tidak mencukupi...kita memerlukan kawasan pameran yang lebih besar," katanya. -- Lagi.

▼10/12/21-18MST

CNS8844

R GB 10-12 00139 BC927

AAB

Mahathir-LIMA '95 2 Langkawi

Katanya, persediaan bagi LIMA '95 akan dibuat selepas penilaian terhadap LIMA '93 dilakukan.

Beliau berkata pameran maritim bagi LIMA '95, yang bagi LIMA '93 ini diadakan di Jeti Kuah, mungkin dipindahkan ke tempat yang lebih hampir dengan lapangan terbang, tempat pameran udara, kerana kedua-dua tempat sekarang terlalu jauh yang menyebabkan kesukaran bagi pelawat.

"Mungkin kita akan menempatkan beberapa marina berhampiran (lapangan terbang) supaya orang tidak perlu berjalan terlalu jauh bagi melawat pameran (maritim)," katanya.

Beliau berkata pelabuhan itu juga mungkin akan digali lebih dalam untuk membolehkan kapal-kapal yang lebih besar datang dan menyertai LIMA '95.

"Banyak negara berminat untuk datang dan menunjukkan kapal-kapal mereka, tetapi mereka mendapat tahu kapal-kapal itu perlu berlabuh lima atau enam kilometer daripada laut, mereka hilang minat," katanya. -- Lagi.

▼10/12/21-11MST

CNS8847

R GB 10-12 00137 BC928

AAR

Mahathir-LIMA '95 3 Langkawi

Dr Mahathir berkata persediaan dan penilaian keupayaan bagi LIMA '95 akan dilakukan lebih awal sebelum pameran itu diadakan.

Katanya, apron, tempat pesawat udara ditempatkan bagi pameran statik dan dewan MIEC juga mungkin akan diperbesarkan lagi kerana masih tidak mencukupi walaupun ia telah diperbesarkan sejak pameran maritim dan udara yang lepas.

Perdana Menteri berkata dewan MIEC tidak akan digunakan hanya sebagai tempat LIMA, yang diadakan sekali dalam masa dua tahun tetapi juga tempat bagi pameran-pameran lain seperti peralatan lapangan terbang.

"Pameran lain juga akan diadakan," katanya.

Katanya, Langkawi merupakan tempat paling sesuai bagi mengadakan pameran seumpama itu kerana ia merupakan pelabuhan bebas yang membuatkan para peserta lebih mudah membawa masuk dan membawa keluar barangan mereka tanpa perlu melalui banyak prosedur kastam. -- Lagi.

10/12/21-44MST

CNS8854

R GB 10-12 00207 BC929

AAR

Mahathir-LIMA '95 4 (Akhir) Langkawi

Katanya, banyak lagi pameran lain akan diadakan di Langkawi supaya orang akan terus melawat pulau itu setiap tahun dan bukan hanya kerana LIMA.

Mengenai rancangan membangunkan Langkawi sebagai pusat industri udara, Dr Mahathir berkata ia bagi industri-industri terpilih, bersih dan berteknologi tinggi yang tidak menggunakan terlalu ramai pekerja.

Katanya, bagaimanapun kerajaan tidak akan memaksa syarikat-syarikat untuk menubuhkan industri mereka di satu tempat tertentu "kerana kita mahu mereka memulakan industri di tempat yang sesuai bagi mereka."

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengenalpasti tiga tempat yang sesuai bagi industri udara iaitu Melaka, Langkawi dan berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang.

Ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam bahawa Perbendaharaan sedang mengkaji keseluruhan aspek industri udara untuk memberikan insentif kepada syarikat-syarikat udara, Dr Mahathir berkata insentif wajar diberikan kepada mereka kerana ia merupakan industri baru dan dikebanyakan negara industri udara mereka mendapat sokongan daripada kerajaan.

Mengenai kejayaan LIMA '93 katanya, pameran itu begitu berjaya dan pertunjukan udara sangat menarik, ramai peniaga mengunjunginya dan jumlah perniagaan adalah baik.

Perdana Menteri yang tiba di sini Isnin lepas berlepas ke Kuala Lumpur malam ini. -- Bernama.

KHY AZ.

10/12/21-44MST